



BINCANG ... Dr Murnizam mengadakan perbincangan dengan Norti (dua, kiri) diperhatikan Hayati (berdiri, kanan) di pejabat Pengarah UMSKAL, kelmarin.

## Pemimpin kanan Kesumba UMS kunjungi pengarah UMSKAL

NST 12.5 - 15.4

LABUAN: Empat pemimpin kanan Kelab Suri dan Staf Wanita (Kesumba) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di pejabatnya di Aras 13, Bangunan Menara, kelmarin.

Kunjungan hormat itu diketuai Setiausaha Kehormat Kesumba, Norti Sirin yang mewakili Yang Dipertuaanya, Datin Baidah Ibrahim.

Turut hadir Ketua Biro Ekonomi dan Keppenggunaan Kesumba, Siti Aisyah Rainawaty Abd Rashid, Ketua Biro Penerangan dan Perhubungan, Hayati Salleh Baihaki dan Ketua Puteri Kesumba, Nurul Izza Nordin.

Hadir sama dalam pertemuan itu ialah Setiausaha Kesumba UMSKAL, Norhanizah Adnan.

Menurut Norti, kunjungan hormat itu adalah untuk membincangkan aktiviti dan program serta mempromosikan Kelab Kesumba dan Puteri Kesumba kepada kakitangan di

Kampus Labuan.

Katanya, mereka turut membincangkan pengurusan Kesumba KAL yang baru yang bakal diketuai Hayati Salleh Baihaki.

"Kami berharap lebih ramai kakitangan UMSKAL akan menjadi ahli Kesumba sekaligus mengeratkan hubungan baik yang sedia terjalin antara ahli di Kota Kinabalu dan Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Sementara itu, Dr Murnizam berharap kakitangan UMSKAL akan menjadi ahli kelab tersebut bukan sahaja untuk mengikuti pelbagai program tetapi juga menimba ilmu dan pengalaman melalui aktiviti yang diadakan pada sepanjang tahun.

Sementara itu, Kesumba akan mengadakan Mesyuarat Agung Kali Ke-17 2015 pada 12 Jun depan di Galeri Canselor UMS Kota Kinabalu yang bakal dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah bermula pukul 8.30 pagi. — OLEH JAINUDIN DJIMIN